




# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK ; MASJID RUMAH KEDUAKU



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor



“MASJID RUMAH KEDUAKU”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ ءَامِنٍ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “MASJID RUMAH KEDUAKU.”</p>	6



Masjid bermaksud tempat sujud. Dari segi istilah, satu tempat bersujud yang dibangunkan untuk melaksanakan amalan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Sujud meletakkan kedudukan manusia paling rendah di hadapan Allah SWT. Masjid merupakan tempat ibadah khusus seperti [solat](#) dan beriktikaf bagi orang beriman malah syiar dan lambang kesatuan umat Islam. Allah SWT menjelaskan bahawa orang-orang beriman adalah orang-orang yang layak untuk memakmurkan masjid-masjid Allah. Di samping itu, masjid menjadi tempat dimana seseorang hamba berada pada kedudukan yang paling akrab dengan tuhan-Nya.

7

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 18 yang telah dibaca pada permulaan khutbah tadi:

*“Hanyasanya orang-orang yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”*

8

Seperti yang kita fahami, sejak zaman Rasulullah SAW, masjid bukan terhad sebagai tempat beribadah semata-mata namun merupakan pusat kegiatan dakwah. Peranan masjid pada hari ini mencakupi pelbagai aspek seperti penganjuran program keagamaan dan aktiviti kemasyarakatan seperti dalam aspek kehidupan, pendidikan, kebajikan, platform penyatuan dan perpaduan ummah dan ekonomi umat Islam. Ini termasuklah kegiatan dan aktiviti pengajaran, dakwah, program remaja, sambutan keagamaan serta motivasi kepada masyarakat untuk memakmurkan rumah Allah lima waktu sehari semalam. Apabila masjid dimakmurkan ia menjana kesan positif bagi pembinaan masyarakat madani dalam rangka membina perpaduan umat Islam.

9



Hakikatnya, pada hari ini masjid dijadikan sebagai tempat perkembangan syiar Islam. Fungsi masjid bukan sekadar menjadi medan pertemuan jemaah dengan pelbagai sajian majlis ilmu malah kegiatannya dilihat semakin luas dan berkembang.

10

Oleh itu, cadangan dan penghayatan menjadikan masjid sebagai rumah kedua adalah sangat relevan dalam hidup kita, antaranya :

1. Menjadikan masjid sebagai tempat pembentukan nilai kerohanian dan jati diri umat Islam. Masjid memiliki peranan penting sebagai tempat pembentukan kerohanian dalam pelbagai aspek. Antara aspek pembinaan kerohanian yang utama di masjid adalah aspek ibadah dan bermunajat. Masjid dilihat sebagai lokasi yang paling ampuh untuk membina kekuatan hati, jiwa dan rohani daripada sifat toksik dan tercela. Ini kerana, masjid menjadi tempat rawatan jiwa dan rohani yang terbaik bagi umat Islam.

11

Menurut Imam al-Nawawi Rahimahullah, masjid tempat turunnya rahmat daripada Allah SWT:

وَالْمَسَاجِدُ مَحَلُّ نَزُولِ الرَّحْمَةِ

12

“Masjid-Masjid adalah tempat turunnya rahmat.”



Melihat kepada generasi salaf al-Soleh apabila menghadapi masalah, kebimbangan dan cabaran, mereka akan bergegas mencari masjid sebagai tempat perlindungan dan penyelesaian serta mengadu hal yang dihadapi kepada Yang Maha Kuasa. Dalam satu kisah, pada suatu hari, ketika cuaca menjadi kelam orang bertanya kepada Anas bin Malik Radiallahuanhu: “Pernahkah tuan melihat perkara seperti ini berlaku semasa hayat Rasulullah SAW?” Dia menjawab: “Aku berlindung dengan Allah SAW. Pada masa itu kalau berlaku ribut, kami akan bersegera ke masjid takut kalau-kalau berlaku hari kiamat.”

13

Tidak syak lagi, masjid mempunyai aura positif, keselamatan dan perdamaian. Di samping itu, segala kegiatan dan aktiviti di masjid dalam bentuk amalan semuanya menjurus untuk tunduk mengingati Allah SWT. Inilah kelebihan yang ada pada masjid yang tiada pada tempat lain. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Tiada seorang Muslim pun yang sentiasa menghadirkan dirinya ke masjid-masjid untuk solat dan zikir melainkan Allah gembira menyambutnya sebagaimana ahli keluarga yang bergembira menyambut saudaranya yang sudah lama hilang.”*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

14

Mendambakan masjid sebagai pusat ilmu pengetahuan, pendidikan dan pengajian agama. Dalam menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan dan pengajian Islam, kelas pengajian dan kuliah agama yang dijalankan bukan sekadar memenuhi aktiviti dakwah bulanan. Malah, bentuk pengajian yang disampaikan mestilah menggunakan sukatan pengajian yang lengkap mahupun berkitab bagi mewujudkan proses rangkaian kesinambungan ilmu pengetahuan pada jemaah secara berkala dan konsisten. Ini bagi melahirkan umat Islam yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan berakhlak mulia. Selain itu, intipati kandungan pengajian dan kuliah juga perlu *up to date* dengan membahaskan isu-isu semasa yang melanda umat Islam. Ini dapat dilihat, apabila berada di masjid Rasulullah SAW selalu ingin mengetahui perkembangan semasa yang berlaku kepada sahabat-

15



sahabat Baginda yang berada di sekitar Madinah. Adakalanya Baginda memulakan pengajian di masjid dengan menyampaikan tazkirah dan mauizah iaitu nasihat kepada para sahabat.

Hal ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-'Irbad bin Sariyah katanya:

وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَوْعِظَةً وَجِلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، وَذَرَفَتْ مِنْهَا  
الْعُيُونُ

16

*“Rasulullah SAW telah menasihati kami suatu nasihat yang menggetarkan hati dan mencucurkan airmata.”*

*(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi).*

17

Masjid dijadikan pusat komunikasi komuniti setempat. Langkah dan usaha ini bagi menyerlahkan fungsi masjid sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai platform kepada segenap lapisan masyarakat meliputi aspek pengaruh psikologi dan spritual. Begitu juga, bagi pentadbir masjid, binalah jambatan ukhuwah agar masyarakat dan jemaah sekitar dapat memakmurkan rumah Allah dengan memperkukuhkan persaudaraan, kesefahaman, kecintaan sesama umat Islam dalam menghayati ajaran Islam serta memperhebatkan aktiviti dan program di kawasan setempat.

18



Dalam Islam, Masjid mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia. Ia merupakan tempat yang paling dicintai oleh Allah. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا

*“Tempat yang disukai oleh Allah adalah Masjid.”*

*(Riwayat Muslim).*

19

Umat Islam perlu kembali bermuhasabah diri dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai ikutan terbaik. Hal ini sebagaimana sahabat-sahabat Nabi SAW menjadikan solat berjemaah di masjid sebagai rutin harian bagi menzahirkan syiar dan penyatuan umat Islam. Sahabat-sahabat nabi juga bimbang jika mereka tidak hadir untuk solat secara berjemaah akan terbit sifat munafik di dalam diri mereka.

20

Peringatan daripada Abdullah bin Mas’ud Radiallahuanhu pernah berkata:

لَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنِ الصَّلَاةِ إِلَّا مُنَافِقٌ قَدْ عَلِمَ نِفَاقَهُ

21

*“Menurut pendapat kami (para sahabat) tidaklah seseorang itu tidak hadir solat berjemaah melainkan dia adalah seorang munafiq yang jelas kemunafikannya.”*

*(Riwayat Muslim).*

22



Oleh itu, setiap individu Muslim perlu menjadikan masjid sebagai rumah keduanya dengan melazimkan diri untuk hadir melaksanakan solat lima waktu dan menghadiri majlis-majlis ilmu yang dianjurkan. Memakmurkan masjid adalah salah satu tanda iman dan penyebab cinta Allah. Disamping itu, didik anak-anak untuk mencintai rumah Allah dengan membawa anak-anak melazimi solat berjemaah pada setiap waktu yang terluang. Selain itu, jadilah hamba yang hatinya sering teringat dan terpaut kepada masjid.

23

Terpaut dengan kemesraan dan keikhlasan jemaah, terpaut dengan pengajian dan aktiviti serta program yang dapat membugarkan hati dan jiwa serta mempunyai nilai tambah kepada ilmu dan ukhuwah. Setiap Muslim dan masyarakat setempat harus berperanan dalam memakmurkan masjid kerana memelihara dan memakmurkan rumah Allah itu adalah bukti kita mensyukuri nikmat Allah SWT. Marilah kita berazam dan bertekad menjadikan masjid sebagai rumah kedua agar hidup sentiasa diberkati dan dirahmati kerana orang yang memakmurkan masjid itu adalah orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT, dihapuskan kesalahannya dan diangkat darjatnya.

24

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ، كَانَتْ خُطْوَاتُهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً

25



*"Sesiapa yang bersuci di rumahnya, kemudian berjalan ke salah satu rumah Allah (masjid) untuk melaksanakan kewajipan yang Allah tetapkan, maka kedua langkahnya, yang satu menghapus kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat."  
(Riwayat Muslim).*

26

Hadis daripada Abu Said al-Khudri Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسَاجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

27

*"Apabila kamu melihat orang yang biasa ke masjid, maka naik saksilah bahawa ia orang yang beriman."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

28

Kesimpulan khutbah yang dapat kita ambil pengajarannya pada hari ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah menyakini bahawa masjid adalah tempat ibadat dan menjana ketakwaan.
2. Umat Islam perlu menjadikan masjid sebagai wadah penyatuan umat Islam serta menghidupkan peranan masjid dengan segala program dan aktiviti keagamaan.
3. umat Islam sewajarnya menjadikan masjid sebagai tempat pembentukan nilai kerohanian dan jati diri umat Islam.

29



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ فِي بُيُوتٍ أَذِنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ وَيُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾</p>	30
<p>“(Nur hidayat petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.”</p> <p>(Surah al-Nur : 36).</p>	31
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	32
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	33



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	4
<p>Untuk itu, para jemaah dinasihatkan supaya mengamalkan kawalan sendiri, menjaga kebersihan diri dan sekitar. Jagalah penjarakan dan memakai pelitup muka untuk mengelak penularan. Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang secara dekat terutama sekali jika mempunyai apa-apa gejala yang boleh dikaitkan dengan Covid-19.</p>	5
<p>Patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi elakkan penularan wabak agar kita terus dapat beramal ibadah dan melaksanakan aktiviti pengimarahannya di masjid dan surau dan dapat bersama-sama beramal di bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi seperti biasa.</p>	6



7	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
8	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
9	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
10	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
11	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
12	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس ادیس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
13	اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
14	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



<p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.</p>	15
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kau binalah semula keamanan dan kesejahteraan di bumi Palestin agar rakyatnya hidup bahagia.</p>	16
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	17
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	18
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾</p>	19



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	20
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيَكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	21